



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1991**

**ELAUN BAHASA JEPUN**

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mewujudkan Elaun Bahasa Jepun yang dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah mengikuti Kursus Bahasa Jepun dengan jayanya dan menggunakan kemahiran Bahasa Jepun di dalam menjalankan tugas rasmi.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan telah memutuskan untuk mengadakan insentif kewangan kepada pegawai-pegawai yang telah mengikuti Kursus Bahasa Jepun dengan jayanya sebagai galakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk mempelajari dan memperolehi kemahiran Bahasa Jepun. Sekiranya diperlukan kemudahan ini akan diperluaskan kepada bahasa-bahasa utama Antarabangsa yang lain mengikut keperluan pada masa akan datang. Kemahiran ini adalah penting bagi tujuan menggalakkan perindustrian dan pelaburan serta memudahkan perundingan dengan pihak Jepun.

**3. PEMBAYARAN ELAUN BAHASA JEPUN**

3.1 Elaun Bahasa Jepun adalah dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Telah mengikuti Kursus Bahasa Jepun dengan jayanya serta mempunyai sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan dari mana-mana institusi yang mengendalikan Kursus Bahasa Jepun;
- (b) Lulus peperiksaan Bahasa Jepun yang ditetapkan oleh Kerajaan pada tahap kemahiran seperti di perenggan 4.1;
- (c) Menyandang jawatan-jawatan yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan berkelayakan dibayar Elaun Bahasa Jepun;
- (d) Menggunakan kemahiran Bahasa Jepun di dalam menjalankan tugas rasmi.
- (e) Elaun ini tidak layak dibayar apabila pegawai berkenaan bertukar ke jawatan lain yang tidak memerlukan penggunaan Bahasa Jepun semasa bertugas. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati perlu, pembayaran elaun bahasa ini boleh diteruskan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; dan

- (f) Pegawai-pegawai yang disyaratkan mempunyai kelulusan Bahasa Jepun sebagai syarat perantikan ke dalam jawatan seperti Pengajar/Pensyarah Bahasa Jepun tidak layak menerima elaun ini.

3.2 Peperiksaan Bahasa Jepun akan diadakan 2 kali setahun dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Permohonan untuk menduduki peperiksaan ini akan dinilai oleh Panel Peperiksaan Bahasa berkenaan berdasarkan Sijil Kursus Bahasa Jepun yang dimiliki oleh pegawai bagi menentukan tahap kemahiran dan peringkat peperiksaan yang layak diduduki.

#### 4. KADAR ELAUN BAHASA JEPUN

4.1 Elaun Bahasa Jepun adalah dibayar berdasarkan kadar:


<i>Tahap Kemahiran</i>	<i>Kadar Elaun Sebulan</i>
Permulaan .. .. .	\$ 50.00
Pertengahan .. .. .	\$100.00
Lanjutan .. .. .	\$150.00

#### 5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

#### 6. AM

6.1 Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab melaksanakan peruntukan pekeling ini. Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan juga boleh menerima pakai pekeling ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam pekeling ini. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.



(DATO' MAHMUD BIN TAIB)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

4 Januari 1991

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

*s.k.*

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun,

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.